

Rujukan Kami: OPS/013/2/3/3/(10)



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA**

ARAHAN KETUA PENGARAH

BILANGAN 2 TAHUN 2011

**TINDAKAN PASUKAN BOMBA SUKARELA
SEBAGAI 'RESPONSE TIME' JABATAN**

1. PENDAHULUAN

1.1 Dalam sesuatu operasi, '*response time*' yang pantas oleh pasukan penyelamat adalah faktor utama penentu kejayaan atau kegagalan operasi berkenaan. Oleh itu, setiap pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia perlulah sentiasa dalam keadaan siapsiaga dan bertindak pantas apabila perkhidmatan diperlukan.

1.2 Dalam keadaan tertentu, disebabkan jarak perjalanan yang jauh, 'response time' pasukan akan mengambil masa yang panjang menyebabkan tindakan operasi menjadi kurang efektif. Jesteru, Jabatan telah menggalakkan penubuhan Pasukan Bomba Sukarela dengan bimbingan dan bantuan yang diberi oleh Balai Bomba dan Penyelamat berdekatan.

1.3 Dikebanyakan negara maju, Pasukan Bomba Sukarela mendapat pengiktirafan dan mereka telah diberi sumbangan yang besar kepada masyarakat setempat. Negara kita juga wajar memberi pengiktirafan yang serupa dan sebagai langkah awal, 'response time' oleh Pasukan Bomba sukarela akan diiktiraf sebagai 'response time' Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Ini bertepatan dengan matlamat asal penubuhan Pasukan Bomba Sukarela iaitu memberi 'response' awal bagi kawasan-kawasan tertentu terutama yang jauh dari balai bomba biasa.

2. TUJUAN

Arahan ini bertujuan untuk melaksanakan matlamat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menjadikan 'response time' Pasukan Bomba Sukarela sebagai 'response time' jabatan dalam kerja-kerja operasi kebakaran dan penyelamatan bagi Pasukan Bomba Sukarela seluruh negara.

3. TAFSIRAN

Bagi maksud arahan ini, tafsiran yang digunapakai adalah seperti berikut.

3.1 "*Response time*" bermaksud satu gerak kerja yang melibatkan satu pasukan bermula dari panggilan pertama diterima hingga jentera pertama sampai ke tempat kejadian.

3.2 "*Station ground*" bermaksud mana-mana kawasan yang ditetapkan sebagai kawasan di bawah seliaan sesuatu Pasukan Bomba Sukarela untuk menjalankan tindakan pemadaman kebakaran. "Station ground" bomba sukarela adalah sama dengan maksud kawasan jagaan balai yang telah ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

4. PEMAKAIAN

4.1 Bagi menjadikan '*response time*' Pasukan Bomba Sukarela sebagai '*response time*' jabatan dalam kerja-kerja operasi kebakaran dan penyelamatan.

4.2 Penolong Pengarah Operasi Negeri, Ketua Balai dan Pegawai bertugas di Pusat Gerakan Operasi (PGO) negeri diberi

bertanggungjawab dalam pengurusan dan pemantauan bagi memenuhi arahan ini.

5. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Bagi merealisasikan perkara di atas, perkara-perkara berikut hendak dilakukan:

5.1 Pusat Gerakan Operasi (PGO) Negeri mengarahkan keluaran jentera Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia/Pasukan Bomba Sukarela untuk hadir di tempat kecemasan bagi menjalankan peranan dan tanggungjawab seperti berikut:-

5.1.1 Pasukan Bomba Sukarela diarah ke tempat kecemasan sebagai keluaran pertama sekiranya kejadian kecemasan berlaku berhampiran dengan pasukan. Pada masa yang sama Pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) diarah ke tempat kejadian untuk mengambil alih operasi pemadaman/Penyelamatan.

5.1.2 Pasukan Bomba Sukarela diarah ke tempat kecemasan sebagai pasukan bantuan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat sekiranya kejadian kecemasan berlaku jauh dari pasukan tetapi masih dalam lingkungan kawasan *station ground* pasukan.

5.1.3 Proses mengambil alih tugas daripada Pasukan Bomba Sukarela oleh JBPM perlu dibuat/dilakukan apabila JBPM telah sampai di tempat kejadian untuk mengetuai operasi.

5.2 Bagi tujuan gerakan operasi dan keluaran Pasukan Bomba Sukarela Pusat Gerakan Operasi Negeri perlu mempunyai maklumat-maklumat penting pasukan seperti kekuatan jentera/peralatan, keanggotaan, nombor telefon pengerusi dan pasukan untuk dihubungi apabila diperlukan.

5.3 Pasukan Bomba Sukarela perlu mematuhi dan menjalankan tindakan operasi seperti di **Lampiran 1** (Arahan Tindakan Operasi Pasukan Bomba Sukarela)

6. LATIHAN DAN KAWALAN

6.1 Jabatan perlu mengadakan latihan berjadual secara konsisten untuk Pasukan Bomba Sukarela bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan ahli-ahli pasukan.

6.2 Kawalan dan pemantauan ke atas Pasukan Bomba Sukarela perlu dilakukan melalui kekerapan lawatan terhadap pasukan. Sehubungan dengan itu, setiap ahli pasukan mesti memahami dan mematuhi ‘Standard Operasi Seragam’ (SOP)/ Arahan Operasi Kebombaan dan Penyelamat, Bil.1 Tahun 2010 (Pentadbiran Dan Pengurusan Operasi Kebakaran Atau Kecemasan Bagi Pasukan Bomba Sukarela).

**ARAHAN TINDAKAN OPERASI
(PERANAN DAN TANGJUNGAJAWAB PASUKAN)
PASUKAN BOMBA SUKARELA**

Bil.	Perkara	Peranan dan Tangjawab Pasukan	Tindakan	
1.	Tindakan Bomba Sukarela Sebelum JBPM Sampai	i.	Menghadiri panggilan kecemasan apabila mendapat panggilan/diminta bantuan.	Ahli Pasukan
		ii.	Memaklumkan kepada Pusat Gerakan Operasi Negeri/Ketua Balai Bomba terdekat (dalam kawasan jagaan) apabila menerima panggilan kecemasan dan keluar ke tempat kejadian.	Ketua Pasukan
		iii.	Memaklumkan atau melaporkan kepada Balai Bomba dan Penyelamat terdekat dengan segera sejurus tiba di tempat kejadian.	Ketua Pasukan
		iv.	Mengawal lalu lintas dan mengawal orang ramai memasuki atau menghampiri dengan kawasan operasi.	Ahli Pasukan
		v.	Memakai pakaian lengkap operasi semasa menjalankan operasi kebombaan	Ahli Pasukan
		vi.	Menempatkan kenderaan bomba sukarela di tempat yang sesuai dan selamat.	Pemandu/Operator pam
		vii.	Menentukan ahli-ahli mengambil langkah yang perlu bagi melindungi nyawa dan harta benda.	Ketua Pasukan

		viii.	Mendapatkan mana-mana bekalan air yang sesuai atau pilih bomba untuk menjalankan kerja-kerja pemadaman	Ahli Pasukan
		ix.	Menjalankan kerja-kerja menentang kebakaran dari luar bangunan atau lain-lain kerja kecemasan.	Ahli Pasukan
		x.	Dilarang mengambil atau membawa pulang barang-barang dari tempat kejadian.	Ahli Pasukan
2.	Tindakan Pasukan Bomba Sukarela apabila JBPM sampai	i.	Ilendaklah melaporkan diri kepada Komander Operasi Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.	Ketua Pasukan
		ii.	Membantu menjalankan kerja-kerja pemadaman dan penyelamat berdasarkan permintaan yang dari Komander Operasi Bomba.	Ahli Pasukan
		iii.	Membantu pergerakan operasi atau kawalan lalu lintas menjalankan dengan sempurna.	Ahli Pasukan
		vi.	Membantu mengawal orang ramai memasuki tempat kebakaran atau kecemasan.	Ahli Pasukan
		v.	Membantu menjalankan lain-lain khidmat kemanusiaan di tempat kejadian.	Ahli Pasukan
		vi.	Lain-lain bantuan/tugas yang diperlukan/diminta	Ahli Pasukan
3.	Mengambil Alih Tugas	i.	JBPM akan mengambil alih tugas operasi apabila sampai di tempat kejadian.	JBPM


7. PEMATUHAN

Arahan ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 MALAYSIA: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM)

Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Malaysia.

Tarikh : 04 MAY 2011